

20 SEP 2002

Abdullah-Mykad

MYKAD PERCUMA PERCEPATKAN USAHA PEMILIKAN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pemberian kad pelbagai guna Mykad secara percuma diharap dapat mempercepatkan usaha memastikan semua rakyat memiliki kad pintar itu.

Beliau berkata bayaran RM30 kepada pemohon Mykad sebelum ini mungkin agak mahal bagi rakyat yang miskin.

"Kad ini diberi secara percuma kepada rakyat dan semua warganegara, maka ia akan mempercepatkan usaha kita untuk memastikan semua dapat Mykad," kata Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, ketika ditemui di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawab 2003 hari ini berkata kerajaan memutuskan untuk mengeluarkan Mykad secara percuma bagi aplikasi kerajaan kecuali untuk pembaharuan.

"Oleh yang demikian, tidak ada sebab untuk tidak menukar kad pengenalan kepada Mykad, namun mereka diberi tempoh untuk berbuat demikian sehingga akhir tahun 2005," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Selain itu, semua bayi yang baru lahir akan diberikan Mykad sebagai dokumen pengenalan dan maklumat diri untuk sepanjang hayat mereka.

Malaysia merupakan negara pertama memperkenalkan Mykad sebagai kad pintar pelbagai guna yang berasaskan teknologi cip dan biometrik serta mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi.

Mykad mengandungi maklumat pemegang seperti sijil kelahiran serta maklumat aplikasi awam yang diperlukan untuk berurusan dengan agensi kerajaan termasuk aplikasi Mesin Teller Automatik (ATM), MEPS Tunai dan Touch 'n Go.

Kerajaan juga bercadang memasukkan maklumat tambahan termasuk status perkahwinan, kawasan mengundi serta beberapa aplikasi lain dalam Mykad.

-- BERNAMA

RZS RZS NAK